



## KENYATAAN MEDIA BERSAMA

### MCMC DAN UNIMAP IKTIRAF SUKARELAWAN YANG MENJALANKAN AKTIVITI ICT DAN ADVOKASI MEDIA SOSIAL

**PERLIS, 27 OKTOBER 2023** --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada sukarelawan yang berjaya menjadi ejen advokasi media sosial melalui Majlis Penyerahan Sijil Sukarelawan ICT Malaysia (MIV) bersama Institusi Pengajian Tinggi dan Karnival Klik Dengan Bijak (KDB) 2023 yang berlangsung di UniMAP, Perlis, baru-baru ini.

Majlis berkenaan merupakan kemuncak program *MIV with Institutes of Higher Education (IHE) @ UniMAP* melibatkan penyertaan seramai 44 sukarelawan dalam kalangan pelajar Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, UniMAP. Melalui program ini, para sukarelawan telah berjaya melaksanakan 147 aktiviti kesukarelawanan dengan sejumlah 28,000 capaian audiens dan menyumbang sebanyak 1,844 jumlah jam sukarelawan secara kumulatif.

Sementara itu, Karnival KDB 2023 pula memberi pendedahan kepada seluruh warga UniMAP dan komuniti di sekitar kawasan luar UniMAP mengenai penggunaan Internet yang positif, produktif dan bertanggungjawab. Selain itu, advokasi juga turut melibatkan kesedaran tentang jenayah *scam*.

Naib Canselor UniMAP, Prof Dato' Ts. Dr. Zaliman Sauli berkata, "Pembabitan para pelajar UniMAP dilihat bersesuaian di mana mereka bertindak sebagai ejen dalam membantu menyebarkan mesej mengenai keselamatan Internet kepada masyarakat".

Pelbagai langkah proaktif telah diambil oleh MCMC untuk menangani masalah *scam*. Statistik MCMC menunjukkan, sebanyak 2.6 bilion panggilan meragukan telah disekat bagi tempoh antara tahun 2018 sehingga September 2023 manakala sejumlah 991 juta SMS tidak diminta (*unsolicited SMS*) disekat bermula dari tahun 2021 sehingga September 2023. Selain itu, bagi tempoh yang sama, sejumlah 254,863 talian termasuk talian mudah alih dan tetap yang menghantar SMS meragukan telah ditamatkan perkhidmatannya.

Sehubungan itu, orang ramai adalah diingatkan untuk memainkan peranan proaktif dalam menyampaikan mesej mengenai penggunaan Internet secara berhemah sebagai langkah melindungi diri daripada ancaman *scam* dan kandungan memudaratkan.

**-TAMAT-**